

**SEMAKAN HARGA GAS ASLI  
BAGI SEKTOR BUKAN ELEKTRIK  
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

1. Pelaksanaan semakan harga gas asli yang dikawal selia bagi sektor bukan elektrik di bawah pelan rasionalisasi subsidi negara diteruskan di mana subsidi harga gas asli dikurangkan secara beransur-ansur sebanyak RM1.50/mmBtu setiap enam bulan sehingga mencapai harga pasaran.
2. Oleh kerana pengurangan subsidi harga gas asli yang dikawal selia ini serta peningkatan unjuran isipadu gas asli berasaskan *liquefied natural gas* (LNG), tarif asas purata gas asli Gas Malaysia Berhad (GMB) ditetapkan pada kadar RM32.69/mmBtu bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2019. Tarif asas ini ditetapkan di bawah kerangka kerja kawal selia berasaskan insentif (*Incentive-Based Regulation* - IBR) yang turut merangkumi pelaksanaan mekanisme *Gas Cost Pass Through* (GCPT).
3. Melalui pelaksanaan mekanisme GCPT, Kerajaan telah memutuskan supaya surcaj sebanyak RM0.23/mmBtu bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2019 ke atas tarif asas dilaksanakan kepada kesemua kategori tarif pelanggan GMB berikutan kenaikan isipadu jualan gas asli berasaskan LNG sekaligus meningkatkan kos gas.
4. Sehubungan itu, jadual kategori tarif gas asli bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2019 ditetapkan seperti berikut:

Kategori Tarif	Purata Penggunaan Gas Tahunan (mmBtu)	Tarif Asas Semasa (RM/mmBtu)	Tarif Semasa Selepas Surcaj (RM/mmBtu)	Tarif Asas Bagi Tempoh 1 Januari - 30 Jun 2019 (RM/mmBtu)	Tarif Selepas Surcaj Bagi Tempoh 1 Januari - 30 Jun 2019 (RM/mmBtu)
A	Pengguna domestik	23.03	23.80	23.49	23.72
B	0 - 600	29.73	30.50	30.35	30.58
C	601 - 5,000	29.88	30.65	30.51	30.74
D	5,001 - 50,000	30.19	30.96	30.81	31.04
E	50,001 - 200,000	31.49	32.26	32.15	32.38
F	200,001 - 750,000	31.49	32.26	32.15	32.38
L	Melebihi 750,000	32.55	33.32	33.23	33.46
Purata		31.92	32.69	32.69	32.92

5. Semakan harga gas asli tidak melibatkan gas petroleum cecair (*liquefied petroleum gas* - LPG) dan gas asli untuk kenderaan (*natural gas vehicle* - NGV).